

Ringkasan Panduan Pembukaan Akaun Deposit-i Akaun Deposit Koperasi Kumpulan Wang Rizab Statutori (ADK-KWRS) di Cawangan-cawangan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP)

Koperasi terpilih menerima Surat Arahan Am/Khusus daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Langkah 1

Pembukaan Akaun Deposit-i ADK KWRS

Senarai dokumen yang diperlukan oleh Koperasi bagi tujuan pembukaan Akaun Deposit-i ADK KWRS;

- 1) Surat Arahan Am/Khusus dari SKM
- 2) Borang Maklumat Pelanggan (Bukan Individu) **BMP2**
- 3) Permohonan Membuka Akaun Deposit & Contoh Tandatangan (**BPMA 2**)
[bersama salinan kad pengenalan]
- 4) Terma dan Syarat Deposit-i ADK-KWRS (**Akad**)
- 5) Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi (ALK)
- 6) Sijil Pendaftaran SKM
- 7) Undang-undang Kecil Koperasi
- 8) Senarai Penandatangan Berkuala Koperasi

Koperasi menghubungi Pegawai CBP atau Cawangan CBP yang terdekat menerusi emel/ telefon. (Nombor telefon Pegawai CBP dan Cawangan CBP seluruh Malaysia serta emel boleh didapati dalam surat arahan SKM). Dapatkan senarai dokumen yang diperlukan bagi tujuan pembukaan Akaun Deposit-i ADK KWRS.

Langkah 2

Mendeposit ke Akaun Deposit-i ADK KWRS

Untuk urusan mendeposit dana ke akaun Deposit-i ADK-KWRS, penyaluran dana boleh menggunakan medium berikut;

- Sekiranya pembayaran melalui cek, pengeluaran cek atas nama: **KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**
- Sekiranya pembayaran melalui IBG/TT, sila dapatkan nombor akaun semasa Cawangan di Pejabat Cawangan CBP yang berdekatan.

Serahkan dokumen-dokumen yang telah lengkap ke Cawangan CBP berhampiran.

Langkah 3

Agihan keuntungan Deposit-i ADK KWRS

Agihan keuntungan kepada Akaun Deposit-i ADK KWRS akan dilakukan secara tahunan. Amaun keuntungan (selepas mendapat kelulusan SKM) akan dikreditkan ke dalam Akaun Untung-i ADK KWRS setiap Koperasi yang layak. Koperasi boleh menghubungi cawangan CBP bagi tujuan pertanyaan/ pengeluaran jumlah keuntungan.

Semakan dokumen akan dilakukan oleh pihak Cawangan. Setelah disahkan lengkap, 2 (Dua) Akaun ADK KWRS akan dibuka bagi setiap Koperasi iaitu;

- 1) **Akaun Deposit-i ADK KWRS (Prinsipal);** dan
- 2) **Akaun Untung-i ADK KWRS**

Pihak Cawangan akan mencetak Penyata Akaun Deposit-i ADK KWRS dan diserahkan kepada Koperasi bagi tujuan rekod dan rujukan. Sesalinan akan dikemukakan kepada Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan (JPP) untuk pelaporan secara bulanan kepada SKM.

Langkah 4

Langkah 5

* Tiada deposit minima pembukaan akaun dikenakan bagi Akaun Deposit-i ADK KWRS dan Akaun Untung-i ADK KWRS

** Hanya Penyata Akaun akan dikeluarkan kepada Koperasi sebagai bukti pembukaan Akaun ADK KWRS di Cawangan CBP

*** Wakil Koperasi dibenarkan hadir bagi tujuan serahan dokumen di Cawangan CBP. Tiada pengesahan biometric diperlukan.